

Laporan Eksekutif

DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATANG PADANG 2035 (Penggantian)

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional
BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN
PEJABAT PROJEK ZON TENGAH

PLANMalaysia@Perak
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional



Majlis Daerah Tapah



Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian) ini disediakan bagi tempoh perancangan sehingga tahun 2035, menggantikan Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2020 yang telah tamat tempoh penggunaannya.

Rancangan Tempatan ini disediakan selaras dengan peruntukan Subseksyen 16(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang menyatakan pihak berkuasa perancang tempatan boleh pada bila-bila masa, membuat cadangan untuk pengubahan, pembatalan, atau penggantian suatu rancangan tempatan.

Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian) merupakan dokumen yang mengandungi peta cadangan dan pernyataan bertulis menerangkan dengan terperinci cadangan-cadangan Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Daerah Tapah) berkenaan perancangan fizikal seperti guna tanah, alam sekitar, infrastruktur dan utiliti, landskap dan lalu lintas.

Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian) dibahagikan kepada tiga (3) jilid yang menerangkan perkara-perkara berikut:

- **Jilid 1 mengandungi pernyataan bertulis, hala tuju & strategi pembangunan** yang disusun mengikut teras pembangunan.
- **Jilid 2 secara khususnya mengandungi peta cadangan** yang terdiri daripada zon perancangan pembangunan fizikal dan jadual khusus aktiviti pembangunan bagi zon-zon yang dirancang serta garis panduan pembangunan.
- **Jilid 3 menerangkan mengenai aspek pengurusan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan** yang dikemukakan.

Laporan-laporan ini akan diwartakan sebagai dokumen rasmi Kerajaan Negeri Perak serta dijadikan sebagai panduan & rujukan utama bagi pihak Majlis Daerah Tapah dan agensi-agensi perancangan & pelaksanaan yang berkaitan dalam melaksanakan cadangan-cadangan, kawalan perancangan selain menjadi pemudah cara bagi pelaksanaan pembangunan

Ringkasan Eksekutif ini mengekstrak pengenalan dan cadangan utama (Projek Flagship) daripada Jilid 1 : STRATEGI PEMBANGUNAN

Semua hak terpelihara, tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan laporan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara, sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau apa jua cara sekalipun tanpa mendapat izin daripada PLANMalaysia dan Majlis Daerah Tapah.

Laporan Eksekutif

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATANG PADANG 2035 (PENGGANTIAN)

KEPERLUAN PENYEDIAAN

PENYELARASAN DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

Memastikan perancangan pembangunan Daerah Batang Padang adalah selari dengan dasar dan hala tuju pembangunan di peringkat Negeri dan Negara serta selaras dengan tren pembangunan semasa dan senario pembangunan masa hadapan yang dijangkakan.

PENGGANTIAN RT SEDIA ADA

Menggantikan RT Daerah Batang Padang 2020 yang akan tamat tempoh dan mengambil kira RT Pengubahan yang telah dilaksanakan untuk pembentukan cadangan yang lebih dinamik, praktikal dan fleksibel.

ASPIRASI DAERAH

Menilai semula pembangunan daerah supaya lebih kompetitif untuk menjana ekonomi selaras dengan aspirasi-aspirasi yang telah dicadangkan sebagai Bandar Pendidikan dan Hab R&D di dalam RSN Perak 2040 dan Wilayah Perak Selatan.

KAWALAN GUNA TANAH

Merancang Peta Cadangan dan Kelas Kegunaan Tanah untuk memastikan perancangan yang tepat dan menepati hala tuju pembangunan fizikal semasa dan masa hadapan. Mengikut garis panduan terkini dengan menggunakan pakai Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0 untuk menyediakan pelan guna tanah yang akan digunakan sebagai pelan induk bagi penyediaan pelan sokongan yang lain

SEKSYEN 16(1)

Pihak Berkuasa Tempatan boleh pada bila-bila masa, membuat cadangan untuk pengubahan, pembatalan atau penggantian suatu Rancangan Tempatan

SEKSYEN 16(2)

Tanpa menyentuh subseksyen (1), Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hendaklah, jika, Jawatankuasa memberikan ia arahan bagi maksud itu berkenaan dengan suatu rancangan tempatan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyediakan cadangan daripada jenis yang dinyatakan di dalam arahan itu, iaitu cadangan untuk pengubahan, pembatalan atau penggantian rancangan itu.

OUTPUT RTDB 2035 PENGGANTIAN

Kandungan RT Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian)

JILID I Strategi Pembangunan

Dokumen strategi pembangunan serta panduan pelaksanaan bagi RT ini yang membincangkan tentang hala tuju, strategi dan cadangan pembangunan

JILID II Kawalan Perancangan

Dokumen Kawalan Perancangan dan Garis Panduan Kawalan Pembangunan bagi RT ini yang akan memperihalkan tentang Pelan Kawalan Pembangunan.




JILID III Pengurusan dan Pelaksanaan

Dokumen Pengurusan dan Pelaksanaan serta Penilaian Kemampuan bagi RT ini.

PROFIL KAWASAN KAJIAN

Laporan Eksekutif

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATANG PADANG 2035 (PENGANTIAN)



Kawasan Kajian RT Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian) terletak di bahagian Selatan Negeri Perak. Kawasan RT ini bersempadan dengan Daerah Kampar di bahagian utara, Daerah Hilir Perak di bahagian barat, Daerah Muallim dan Negeri Selangor di bahagian selatan serta Negeri Pahang di bahagian Timur.

BLOK PERANCANGAN (BP)	KELUASAN (Hektar)
BP 1 - Chenderiang	24,295.59
BP 2 - Batang Padang	54,256.99
BP 3 - Bidor	33,112.33
BP 4 - Sungkai	68,405.53

PUSAT SEPARA WILAYAH
Bandar Tapah

PUSAT PETEMPATAN UTAMA

Bandar Bidor

PUSAT PETEMPATAN KECIL

Pekan Chenderiang
Pekan Ayer Kuning
Pekan Sungkai

PENTADBIRAN

2 PBT


Majlis Daerah Tapah (179,808.14 hektar)
--

Majlis Daerah Kampar (262.30 hektar)

Sebahagian kawasan Mambang Diawan

Laporan Eksekutif

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATANG PADANG 2035 (PENGGANTIAN)



GUNA TANAH SEMASA (2019)

Guna Tanah	Tahun 2019	
	Luas (hek)	%
Tepu Bina	8,837.44	4.91
Perumahan	2,476.99	1.38
Komersial	242.28	0.13
Industri	1,158.99	0.64
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	1,476.45	0.82
Tanah Lapang dan Rekreasi	97.98	0.05
Pengangkutan	2,896.28	1.61
Infrastruktur dan Utiliti	488.47	0.27
Bukan Tepu Bina	171,233.00	95.09
Pertanian	70,969.49	39.41
Penternakan dan Akuakultur	706.38	0.39
Hutan	90,979.95	50.52
Badan Air	3,779.01	2.10
Tanah Kosong	4,828.17	2.68
Jumlah	180,070.44	100.00

HALATUJU PEMBANGUNAN

VISI

Daerah Lestari, Berdaya Maju Dan Berdaya Huni

MATLAMAT

“Batang Padang Sebagai Daerah Pelancongan, Pendidikan dan Industri Sumber Jaya”



Kelestarian khazanah semula jadi dan imej bandar dengan menerapkan pembangunan sumber jaya tempatan yang perlu dipelihara, dipulihara dan dilindungi. Pembangunan perlu mengambil kira pengekalan kawasan alam semula jadi, landskap dan reka bentuk semula jadi bagi memastikan kelangsungan sumber jaya untuk generasi akan datang.

Pertumbuhan pembangunan dan ekonomi berdaya maju dengan menerapkan pembangunan ke arah daerah yang produktif dengan pertumbuhan ekonomi yang mantap bagi memastikan Daerah Batang Padang terus membangun dengan mengambil peluang dari potensi dan sumber tempatan.

Persekitaran hidup yang berkualiti dan berdaya huni. Persekitaran hidup yang berkualiti tinggi dalam semua aspek fizikal, ekonomi dan komuniti sosial mampu mewujudkan komuniti sejahtera yang terus diperkasa bagi membentuk modal insan yang mantap dan mandiri. Berdaya huni dapat dikaitkan dengan memastikan setiap lapisan komuniti mempunyai akses kepada keperluan asas.

VISI

DAERAH LESTARI, BERDAYA MAJU DAN BERDAYA HUNI

MATLAMAT

“ Batang Padang Sebagai Daerah Pelancongan, Pendidikan dan Industri Sumber Jaya”

OBJEKTIF

TERAS




PROJEK FLAGSHIP

STRATEGI

Laporan Eksekutif

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATANG PADANG 2035 (PENGANTIAN)



KONSEP PEMBANGUNAN

ZON PEMBANGUNAN

Zon ini merupakan koridor pembangunan utama yang tertumpu di tiga (3) nodus bandar Tapah-Bidor-Tapah Road. Ia meliputi 15% daripada keluasan kawasan kajian.

Koridor ini juga merupakan tumpuan strategik pembangunan yang akan disokong oleh koridor pembangunan berpotensi iaitu Bidor – Sungkai, Temoh – Chenderiang dan Sg. Lesong – Ayer Kuning bagi mengukuhkan peranan dan fungsi pekan sedia ada iaitu Sungkai, Chenderiang dan Temoh.

ZON PERTANIAN

Zon ini merupakan zon pertanian bersepudu yang tertumpu di bahagian barat kawasan kajian dengan mengambil kira produktiviti hasil pertanian getah, kelapa sawit, buah-buahan, penternakan ayam dan akuakultur. Sg. Lesong - Ayer Kuning merupakan koridor pembangunan berpotensi yang terletak di dalam Zon Pertanian.

Terdapat empat Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) di dalam zon pertanian ini, antaranya adalah Kampung Batu Masjid (Chenderiang), Kampung Kassim (Tapah Road), Kampung Poh (Bidor) dan Kampung Muhibbah (Sungkai). Cadangan pembangunan PPD ini mampu meningkatkan daya huni di kawasan kampung dan kualiti hidup masyarakat.

ZON PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN

Zon ini merupakan zon pengekalan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi yang meliputi empat (4) hutan simpan iaitu HSK Bukit Tapah, HSK Bujang Melaka (sebahagian), HSK Sg. Chikus dan HSK Gunung Besout serta kawasan Central Forest Spine (CFS). Zon ini mempunyai kawasan tumpuan pelancongan seperti Hutan Lipur Lata Iskandar, Taman Eko Rimba Lata Kinjang dan Hutan Lipur Kuala Woh. Zon ini juga merupakan kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) yang perlu dikekalkan dan dipelihara bagi mengelakkan kerosakan biodiversiti, gangguan terhadap sumber air, kerosakan habitat flora dan fauna serta bagi memastikan kesinambungan perhubungan ekologi.

PUSAT PELANCONGAN

Terdapat 15 pusat pelancongan yang dikenal pasti di dalam kawasan kajian. Pusat pelancongan ini berada di dalam semua zon iaitu zon pembangunan, zon pertanian, zon pengekalan dan pemuliharaan.


CADANGAN JALAN BARU

Terdapat lima (5) cadangan jalan baru yang telah dikenal pasti memberi impak kepada pembangunan sekitar. Cadangan jalan baru tersebut adalah jalan Bidor - Chenderiang, Tapah Road - Tapah, Lebuhraya Chenderiang – Seri Iskandar, Tapah By Pass dan Jalan Tapah – Lebuhraya Pantai Barat (WCE).

PETA CADANGAN 2035

Laporan Eksekutif

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATANG PADANG 2035 (PENGANTIAN)



TEPUBINA
20,010.23 Hek.

11.2%

BUKAN TEPUBINA
159,394.97 Hek.

88.84%

JUMLAH KELUASAN KESELURUHAN
179,405.20 Hek.

PERUMAHAN
10,758.91 Hek.
6.07%

KOMERSIAL
372.72 Hek.
0.20%

INDUSTRI
2,413.90 Hek.
1.34%

KEM. MASYARAKAT
2,090.22 Hek.
1.16%

TANAH LAPANG & REKREASI
279.10 Hek.
0.15%

INFRASTRUKTUR & UTILITI
542.99 Hek.
0.30%


PENGANGKUTAN
3,552.29 Hek.
1.98%

PERTANIAN
67,768.07 Hek.
37.77%


BADAN AIR
2,111.15 Hek.
1.17%

HUTAN
89,515.75 Hek.
49.90%

STATISTIK KESELURUHAN PROJEK RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATANG PADANG 2035 (PENGANTIAN)



CADANGAN PEMBANGUNAN TAMAN EKO RIMBA LATA KINJANG DAN KAMPUNG ORANG ASLI LATA KINJANG



Justifikasi

1

Menonjolkan keunikan dan keindahan Lata Kinjang sebagai Air Terjun tertinggi (850m) di Asia Tenggara;

LOKASI CADANGAN BP 1

3

Memperkuuh strategi untuk mempromosi dan memasarkan Lata Kinjang.

Taman Eko Rimba Lata Kinjang terletak di Kompartmen hutan No.179 & 180 merupakan kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang diuruskan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Menaik taraf kemudahan sedia ada dan memberi nilai tambah kepada produk yang lebih kompetitif untuk menjana ekonomi negeri amnya dan penduduk setempat

2

Memberikan keselesaan dan meningkatkan tahap kepuasan pelancong; dan;

CADANGAN PROJEK CABLE CAR TAPAH-RINGLET

Justifikasi

A

Merancakkan potensi pembangunan ekonomi di Daerah Batang Padang dan Negeri Perak amnya dengan pelaksanaan projek cable car


B

Memberi alternatif pilihan pengangkutan kepada pelancong ke Cameron Highlands;

C

Mempromosikan khazanah alam sekitar di sepanjang laluan cable car yang dirancang serta menjadi tarikan baharu sektor pelancongan di Daerah Batang Padang.

LOKASI CADANGAN BP 1 & BP 2




Justifikasi

Mewujudkan cadangan kawasan rehat dan Rawat Lay-by Lata Kinjang Lebuhraya Utara Selatan (PLUS)



Ilustrasi cadangan R&R



PEMBANGUNAN BANDAR INTEGRASI HUB GETAH DI BIDOR


Justifikasi



Cadangan ini berperanan merancakkan pembangunan industri di Bandar Integrasi Hub Getah di Bidor dengan menawarkan insentif kepada pelabur





Membangunkan Bandar Integrasi Hub Getah di Bidor selaras industri 4.0 dengan menawarkan program berkaitan penekanan kepada tahap kreativiti, inovasi dan kemahiran lain yang lebih tinggi dalam pendidikan, dan sistem latihan teknik dan vokasional



Justifikasi

Menggalakkan perindustrian yang inklusif dan mampan, dan meningkatkan pekerjaan dan keluaran dalam negara kasar.



- Sempadan Bi
- Jalan Raya
- Lebuhraya
- Sungai
- Talian Rentis
- Lain-lain:
- Projek Pembangunan Asean Agrotech Distribution Center di Tapah

CADANGAN KOMPLEKS PERNIAGAAN SENTRAL BIDOR

Justifikasi


1

Menawarkan ruang lantai perniagaan yang lebih selesa dan selamat kepada penjaja termasuk pengusahaan produk IKS Tempatan


2


Menyusun semula penjaja di tempat khas

LOKASI CADANGAN
BP 3
Lot 32765



- Sempadan BP
- Jalan Raya
- Lain-lain:
- Sentral Bidor





Justifikasi

1

Sebahagian dari jajaran Northern Corridor Highway (NCH) yang akan dimajukan oleh NCIA, NCER.

2

Merupakan satu projek lebuhraya pemangkin yang akan menghubungkan kawasan pedalaman di wilayah utara dan menawarkan alternatif kepada jaringan jalan raya sedia ada.

3

Mewujudkan akses kepada peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

Major Interchanges – Tapak Link

No.	Interchange	Connecting To
IC 1	Parit	WCE/Jalan Siputeh Batu Hampar (FR73)
IC 3	Bandar Ser Iskandar	Jalan Jelapang –Ipoh-Kg. Koyan (FR5)
IC 3	Sg. Galah	Jalan Kg. Gajah-Tanjung Tualang-Bt Gajah-Pusing(A15)
IC 4	Air Kuning	Jalan Kampar-Changkat Jong (FR70)
IC 5	Sg. Durian	Jalan Ipoh – Tanjung Malim (FR1)
IC 6	Tapah	Jalan Tapah – Cameron Highland (FR59)


Justifikasi


1

Cadangan ini adalah selaras dengan matlamat dan visi Daerah Batang Padang yang ingin menjadikan Bandar Tapah sebagai Bandar Pendidikan

2

Mewujudkan sebuah bandar integrasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang menghimpunkan institusi dan pusat penjanaan inovasi bagi memartabatkan bidang TVET





Justifikasi

1

Menyediakan produk pelancongan baharu di Bandar Tapah yang berkonsepkan penggunaan sumber sedia ada (Sg. Batang Padang).

2

Mengelakkan daripada kawasan ini terbau dengan belukar yang mencacatkan pemandangan pusat bandar kepada pembangunan yang lebih berdaya maju untuk rakyat.

3

Membaik pulih imej dan nafas baru kepada pusat bandar Tapah

Telah di kenalpasti oleh Majlis Daerah Tapah sebagai cadangan kawasan berpotensi bagi tujuan pembangunan pemajuhan sekitar seksyen 38, Akta 172.